

Headline	100 keluarga miskin tegar terima bantuan Ambank		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	15 Dec 2013	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	22,425
Page No	11	Readership	134,550
Language	Malay	ArticleSize	129 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 258
Frequency	Daily	PR Value	RM 774



100 keluarga miskin tegar terima bantuan Ambank

KOTA KINABALU: Seramai 100 keluarga dari golongan miskin tegar di Sabah menerima bantuan untuk membeli barangan keperluan makanan di bawah Program AmBank MyKasih sejak tahun 2011.

Pengurus Besar Kanan Jabatan Komunikasi Korporat dan Pemasaran Kumpulan AmBank Syed Anuar Syed Ali berkata daripada jumlah itu, 50 keluarga adalah dari daerah Sandakan manakala selebihnya dari Kota Kinabalu.

“Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk wang yang dimasukkan terus dalam akaun penerima dan mereka hanya boleh membuat pembelian di pasar raya tertentu dengan menggunakan MyKad,” katanya kepada pemberita sempena Program Amal AmBank Kembali ke Sekolah untuk kanak-kanak dari Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu.

Beliau berkata, sebanyak RM80 akan disalurkan kepada setiap keluarga berkenaan setiap bulan selama dua tahun untuk tujuan itu dan keluarga berkenaan turut diberi pendedahan mengenai pengurusan kewangan agar mereka tidak terlalu bergantung kepada bantuan semata-mata.

Katanya, AmBank memperuntukkan sebanyak RM1 juta di bawah program MyKasih ini setiap tahun dan berkerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) untuk mengenalpasti dan memilih keluarga yang layak menerima bantuan itu di seluruh negara.

Terdahulu dalam ucapannya, Syed Anuar berkata seramai 30 kanak-kanak dari Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu hari ini dibawa membeli belah peralatan dan pakaian sekolah sebagai persediaan menghadapi tahun persekolahan baru. -Bernama